



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 29 OKTOBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	KERJASAMA APEC PERKUKUH SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, SH -5 BEKALAN MAKANAN DI KAWASAN PKPD CUKUP, NEGERI KELANTAN/TERENGGANU, SH -30	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	20 TUKUN TIRUAN RM250,000 DILABUHKAN DI TELUK KEMANG, LOKAL, HM -20 20 TUKUN TIRUAN DILABUH DI PERAIRAN PORT DICKSON, NEGARA, KOSMO -16 20 TUKUN TIRUAN DILABUH DI PERAIRAN PD, DALAM NEGERI, UM -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	ENSURING FOOD SAFETY, SECURITY, LETTERS, NST -17	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	MAQIS RAMPAS 19,800KG EKSTRAK HAIWAN, NEGERI SELANGOR/KL/PAHANG, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10. 11. 12.	KEDAH PULIH, NAIK TARAF 457 HEKTAR TANAH TERBIAR, NASIONAL, BH -27 KAEDAH FERTIGASI BOX BANTU PENEROKA FELDA, NEGARA, KOSMO -18 KAMARUK CEKAL JADI PENGUSAHA AYAM DAGING DI GUA MUSANG, NEGARA, KOSMO -17 KAMARUL AZLI TIDAK PATAH SEMANGAT, DALAM NEGERI, UM -29 BANTU RAKYAT MISKIN JADI USAHAWAN, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Kerjasama APEC perkukuh sekuriti makanan

Malaysia mahu kongsi strategi jamin bekalan makanan pasca-Covid-19

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SERDANG

**N**egara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) perlu saling bekerjasama bagi memastikan aliran barangan keperluan asas seperti produk pertanian dan makanan terus terjamin merentasi sempadan.

Pendirian itu dinyatakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kian-



Dialog yang julung-julung kali diadakan secara maya menyediakan platform untuk para pegawai APEC bertukar pandangan mengenai strategi berkaitan polisi sekuriti makanan dalam menghadapi ancaman pandemik Covid-19.

**K**esan Covid-19 sangat besar khususnya kepada ekonomi sehingga menyaksikan banyak norma baharu terpaksa dilaksanakan. Ia secara tidak langsung telah menjejaskan banyak ekonomi APEC.

dee ketika mempengerusikan Dialog Dasar Menteri Mengenai Sekuriti Makanan Secara Maya - APEC di Ibu Pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) di sini kelmarin.

Menurutnya, usaha itu penting bagi memperkukuh daya tahan bekalan makanan seluruh negara anggota itu dalam mendepani cabaran pada masa akan datang termasuk krisis pandemik koronavirus (Covid-19) yang sedang dihadapi dunia termasuk Malaysia.

"Menjadi harapan saya agar sesi dialog hari ini (kelmarin) bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menyediakan hala tuju dasar untuk sekuriti makanan dalam wilayah APEC tetapi juga bagi ekonomi anggota APEC untuk terus memperkukuhkan usaha dan kerjasama menuju ke fasa pasca-Covid-19.

"Saya yakin dialog ini akan memanfaatkan ekonomi APEC ke arah mencapai kemakmuran bersama dan keharmonian di wilayah ini," kata Ronald.

Dialog yang berlangsung lebih dua jam itu turut melibatkan wakil daripada 20 negara anggota.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, dialog yang julung-

julung kali diadakan secara maya itu adalah untuk menyediakan platform bagi bertukar pandangan mengenai strategi berkaitan polisi sekuriti makanan dalam menghadapi ancaman pandemik Covid-19 serta memastikan sekuriti makanan di rantau Asia Pasifik terus proaktif, berdaya tahan dan mampan.

"Kesan Covid-19 sangat besar khususnya kepada ekonomi sehingga menyaksikan banyak norma baharu terpaksa dilaksanakan.

"Ia secara tidak langsung telah menjejaskan banyak ekonomi APEC kerana kesannya turut dirasai di seluruh dunia," katanya.

## Inovasi

Selain itu, Ronald berkata, Malaysia juga telah menyatakan pendirian bahawa kerjasama pada peringkat APEC dalam sekuriti makanan perlu diperkukuhkan dalam bidang teknologi, inovasi dan pembangunan kapasiti tambahan dalam keadaan pasca pandemik Covid-19.

"Keutamaan perlu diberikan dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan bagi memastikan sumber makanan yang mampan melalui penggunaan teknologi serta digital ekonomi yang lebih menyeluruh dalam sektor pertanian," katanya.

Menurutnya, keufamaan itu akan memastikan negara-negara ekonomi APEC mampu menangani sebarang ketidakpastian pada masa hadapan.

"Ekonomi APEC harus menggunakan kaedah yang menyeluruh bagi memastikan kumpulan terdedah tidak ketinggalan semasa tempoh mencabar ini.

"Ia selari dengan matlamat sistem makanan yang lestari dan pada masa yang sama memastikan bekalan makanan yang mencukupi pada setiap masa termasuk untuk keperluan generasi akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Malaysia juga mengalu-alukan persiapan New Zealand sebagai tuan rumah penganturan APEC 2021 secara maya.

Ronald turut memuji kumpulan kerja sektor pertanian yang berjaya menjalankan beberapa rancangan kerja berkaitan termasuk kajian terhadap Rangka Kerja Sekuriti Makanan APEC Menuju 2020.

Katanya, pujian tersebut wajar diberikan kerana kejayaan kumpulan kerja itu melaksanakan rancangan kerja meskipun berdepan banyak cabaran.

"Tahniah kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan inisiatif yang sangat baik ini.

"Kerjasama yang kukuh bukan sahaja penting untuk mendepani ketidakpastian masa depan, malah bagi menyediakan makanan yang sihat yang mencukupi dan berpatutan," kata beliau.



RONALD KIAM-DEE



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN/ TERENGGANU	30

## Bekalan makanan di kawasan PKPD cukup

**TANAH MERAH** - Bekalan makanan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah mencukupi dan rakyat yang berada dalam kawasan PKPD tidak perlu panik dengan maklumat palsu berhubung perkara itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan khususnya kementeriannya tidak mempunyai masalah berhubung dengan bekalan makanan untuk disediakan dan dibekalkan kepada rakyat yang terlibat dengan PKPD.

“Bekalan di Sabah atau di seluruh negara tidak mempunyai masalah. Kementerian akan pastikan bekalan makanan mencukupi.

“Jadi kami (kerajaan) mengharapkan supaya rakyat tidak membuat pembelian panik hanya kerana mendengar berita palsu yang menyatakan makanan tidak mencukupi,” katanya kepada pemberita selepas Lawatan Kerja ke Projek Kelompok Jagung Kampung Paloh di sini semalam. - *Bernama*



29/10/2020

HARIAN METRO

LOKAL

20

## 20 tukun tiruan RM250,000 dilabuhkan di Teluk Kemang

**Port Dickson:** Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menempatkan 20 unit tukun tiruan konkrit jenis 'kuboid' bernilai RM250,000 di perairan Pantai Teluk Kemang di sini, semalam.

Pengarahnya, Halimi Abu Hanip berkata, tukun tiruan berbentuk empat segi (kuboid) itu dilabuhkan di kawasan sekitar dua hingga tiga batu nautika dari Pantai Teluk Kemang dengan kedalaman sekitar 20 meter.

Katanya, ia berfungsi sebagai tempat pembiakan dan menggalakkan peningkatan sumber perikanan di kawasan berkenaan sekaligus merencanakan industri perikanan rekreasi di negeri itu.

"Projek ini antara usaha Jabatan Perikanan Negeri Sembilan dalam memulihara kawasan pembiakan ser-

ta habitat hidupan laut selain memberi perlindungan kepada sumber perikanan.

"Menerusi usaha ini, kita berharap dapat meningkatkan lagi sosio ekonomi khususnya komuniti nelayan setempat selain memajukan lagi sektor pelancongan menerusi aktiviti memancing yang begitu terkenal di daerah ini," katanya selepas Program Pelancaran Tukun Tiruan Kuboid (Rekreasi) di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Nelayan Port Dickson, Abu Bakar Dawan,

Mengulas lanjut, Halimi berkata, kajian mendapati pelbagai jenis ikan, tumbuhan karang dan hidupan marin lain akan menjadikan tukun berkenaan habitat baharu selepas enam bulan tukun tiruan ditempatkan di kawasan tersebut.

"Selain dijadikan tempat pembiakan pelbagai jenis ikan, tukun konkrit ini juga berfungsi sebagai penghalang aktiviti nelayan pukat tunda," katanya.


Dalam pada itu, beliau berkata, sejak 2008 hingga tahun lalu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sudah melabuhkan 67 tukun tiruan di perairan Port Dickson.

"Tahun lalu saja sebanyak 25 tukun tiruan bagi menggalakkan pertumbuhan



HALIMI (tengah) pada Program Pelancaran Tukun Tiruan Kuboid (Rekreasi) di Port Dickson. Gambar kecil, kerja melabuhkan 20 tukun tiruan.

"Kita akan terus berusaha menempatkan lebih banyak tukun tiruan di perairan negeri ini dalam usaha menambahkan lagi sumber perikanan yang dapat meningkatkan pendapatan golongan nelayan dan pihak yang terlibat dalam sektor pelancongan," katanya.



han batu karang dilabuhkan di Kawasan Perikanan Sanjungan Tanjung Tuan.



# 20 tukun tiruan dilabuh di perairan Port Dickson

**PORT DICKSON** - Sebanyak 20 unit tukun tiruan kuboid ditempatkan di perairan Port Dickson oleh Jabatan Perikanan Negeri Sembilan bagi meningkatkan sumber perikanan di perairan tersebut semalam.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, tukun-tukun tiruan tersebut dilabuhkan bertujuan untuk merencanakan perikanan rekreasi di situ.

"Tahun lepas kami dah labuhkan 25 tukun di Kawasan Larangan Perikanan Tanjung Tuan, namun ia lebih kepada tukun untuk menggalakkan pertumbuhan karang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000.

"Kali ini dengan peruntukan sebanyak RM250,000, kami labuhkan 20 unit tukun tiruan di luar pantai Teluk Kemang bagi tujuan perikanan rekreasi seperti memancing dan nelayan kail-mengail," katanya.

Tambah Halimi lagi, pihaknya kawasan untuk menempatkan tukun tiruan itu juga hasil cadangan yang diberikan oleh para nelayan dan tekong-tekong memancing di Port Dickson.

"Kami cari kawasan tapak yang sesuai dengan mendapat kerjasama nelayan dan tekong-tekong memancing, mereka sendiri yang cadangkan, di mana yang sesuai mengikut pengalaman mereka yang lebih arif tentang perairan di sini," ujarnya.



**TUKUN** tiruan kuboid yang dilabuhkan pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan kira-kira 3 batu nautika dari pantai Teluk Kemang, Port Dickson semalam.



29/10/2020

UTUSAN

DALAM

13

MALAYSIA

NEGERI

## 20 tukun tiruan dilabuh di perairan PD

**PORT DICKSON:** Jabatan Perikanan negeri menempatkan 20 tukun tiruan kuboid di perairan Port Dickson bagi meningkatkan sumber perikanan perairan itu.

Pengarahnya, Halimi Abu Hanip berkata, usaha itu juga bertujuan merencanakan perikanan rekreasi di kawasan tersebut.

Katanya, tukun-tukun tiruan itu dilabuhkan kira-kira tiga batu nautika dari pantai Teluk Kemang.

"Tahun lepas, kami melabuhkan 25 tukun di kawasan larangan perikanan Tanjung Tuan, namun, lebih kepada menggalakkan pertumbuhan karang melibatkan peruntukan RM300,000.

"Kali ini, dengan peruntukan RM250,000, kami melabuhkan 20 unit tukun tiruan di luar pantai Teluk Kemang bagi tujuan perikanan rekreasi seperti memancing. Tukun tiruan itu mampu menjadi habitat baharu yang baik untuk ikan

dasar seperti jenahak, kerapu, dan sagai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Halimi, pemilihan kawasan untuk menempatkan tukun tiruan itu hasil cadangan yang diberikan nelayan dan tekong-tekong memancing di daerah ini.

"Apabila dapat peruntukan tersebut, kami cari kawasan tapak yang sesuai dengan mendapat kerjasama

nelayan dan tekong-tekong memancing, mereka sendiri yang cadangkan, di mana yang sesuai mengikut pengalaman mereka yang lebih arif tentang perairan di sini.

"Lokasi tersebut dicadangkan kerana bukan kawasan nelayan melabuhkan pukat hanyut. Malah, pasukan penyelidik kami juga mengemuka tapak itu dan mendapati dasarnya berpasir dengan kedalaman sekitar 20 meter dan memang sesuai


diletakkan tukun tiruan," katanya.

Katanya, jangkaan tempoh tukun tiruan itu dapat menarik kehadiran ikan, memerlukan pengawasan lanjut.

"Kita kena menyelam melihat keberkesannya dalam tempoh enam bulan dan seterusnya. Namun, secara logiknya, apabila sudah ada struktur, ikan pasti datang untuk berlindung, mencari makanan, membiak dan membesar," katanya.



**TUKUN** tiruan kuboid yang dilabuhkan pihak Jabatan Perikanan Negeri Sembilan kira-kira tiga batu nautika dari pantai Teluk Kemang, semalam yang bertujuan meningkatkan sumber perikanan dan merencanakan perikanan rekreasi di kawasan tersebut. - IHSAN JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN





## AGRICULTURAL INDUSTRIALISATION

## ENSURING FOOD SAFETY, SECURITY

**A**GRICULTURAL industrialisation is key to addressing the sustainability and future of our food industry in terms of safety, security and sovereignty. Under the 9th Malaysia Plan (2006-2010), the emphasis was on the "New Agriculture" to revitalise agriculture to fulfil the role as the third engine of growth.

Fast forward to the 11th Malaysia Plan, which is coming to an end this year, when it came to food security, we ranked second in Southeast Asia, while studies by the Economist Intelligence Unit ranked Malaysia 41 out of 113 countries on the Global Food Security Index.

We're behind Singapore, but ahead of Thailand and Vietnam. The continuous push for agricultural industrialisation under the 11MP has in view food safety through intensifying the implementation of quality assurance programmes for agriculture produce.

To boost agricultural industrialisation to attain the goals of food safety, security and sovereignty, EMIR Research would like to propose:

**FOOD SAFETY:** The Agriculture and Food Industries Ministry, together with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), should step up efforts by introducing timelines and deadlines to phase out and end the use of pesticides (which include herbicides and insecticides).

The ministry and MARDI have jointly produced the Diadegma and



The 12th Malaysia Plan is expected to boost agricultural industrialisation. FILE PIC

Cotesia wasp-type parasitoids, as well as the Tiger Fly (a type of a fly), to control Plutella moth and leaf miner infestations.

In the meantime, a concerted campaign involving the ministry, MARDI, regional agricultural development authorities, farmers' associations and non-governmental organisations must be intensified to promote

biocontrol techniques and abandon the use of pesticides.

**FOOD SECURITY:** Incorporate the Integrated Agricultural Development Projects into all regional economic corridors. This will also spur the integration of the food supply chain and facilitate the digitalisation process.

Every stage of the food supply chain should be subject to a trace-

ability and tracking system, using, for example, the radio frequency identification technology.

There should be re-emphasis on collectivisation of agricultural lands such as paddy fields grouped into clusters of mini-estates as self-contained mini-production centres with the choice and capacity to bypass conventional supply chain channels to

liberalise the rice market.

**FOOD SOVEREIGNTY:** Extensive land rehabilitation projects for agriculture should be seriously considered. There could be joint ventures in the form of a triple alliance between the federal government (Agriculture and Food Industries Ministry), state development corporations and the private sector.

These projects would increase the number of Permanent Food Parks (PFPs), one of the strategies under the Third National Agriculture Policy. PFPs should be earmarked as analogous to free trade or industrial zones, with tax incentives and emphasis on promoting digital agriculture.

Ultimately, integration and assimilation of urban and agricultural industrialisation should be implemented in line with the Total Planning Concept, where agriculture is part and parcel of the economic activities and environmental sustainability of any development project. This includes urban and aeroponic — as driven by artificial intelligence, Internet of Things, precision analytics and Big Data.

The 12th Malaysia Plan is expected to renew the drive towards promoting agricultural industrialisation and take Malaysia to the next level in ensuring the sustainability of food safety, security and sovereignty.


**JASON LOH SEONG WEI**

Head of Social, Law and Human Rights, EMIR Research, Kuala Lumpur



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/PAHANG	25

## Maqis rampas 19,800kg ekstrak haiwan



Pegawai penguat kuasa Maqis menyita kontena bersama muatan produk ekstrak haiwan yang dibawa dari China kerana tidak memiliki permit import sah, hasil pemeriksaan di pintu masuk Pelabuhan Kuantan kelmarin.

**KUANTAN** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 19,800 kilogram (kg) ekstrak hasilan haiwan (cecair) yang dibawa dari China di pintu masuk Pelabuhan Kuantan di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Pahang dan Terengganu, Mohamad Nazrul Hizam Abdul Manaf berkata, rampasan itu dilakukan hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan pegawai penguat kuasa Maqis kira-kira jam 10.15 pagi.

Menurutnya, hasil semakan mendapati barang dagangan yang dianggarkan bernilai RM204,921 itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan Maqis.

“Kontena yang membawa

dagangan itu disita dan kes disiasat mengikut di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

“Jika sabit kesalahan, pihak terlibat boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya melalui satu kenyataan di sini semalam.

Mohamad Nazrul berkata, pihaknya sentiasa menjalankan pemeriksaan bagi memastikan sebarang kemasukan keluaran pertanian ke negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan bagi menjamin biosekuriti negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	27

# Kedah pulih, naik taraf 457 hektar tanah terbiar

**Sungai Petani:** Sejumlah 457 hektar tanah terbiar di Kedah dipulih dan naik taraf menerusi Projek Pemulihan dan Menaik Taraf Sawah dan Tanah Terbiar oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sejak 2014.

Pengurus Besarnya, Kamaruddin Abd Akib, berkata tanah itu sebahagian daripada 4,331 hektar tanah terbiar yang dikenal pasti di daerah Baling, Sik, Pendang, Pokok Sena, Kuala Muda, Padang Terap dan Kubang Pasu yang kini diusahakan semula oleh 1,084 petani dengan tanaman padi.

"Mereka ini dibantu KEDA termasuk bantuan dari segi perkhidmatan jentera untuk membaik pulih tanah, input pertanian seperti baja, racun benih padi, selain pembinaan sistem pengairan dan saluran serta infrastruktur lain yang memerlukan kos yang tinggi," katanya selepas meninjau

projek itu di Kampung Sungai Pial di sini, semalam.

Kamaruddin berkata, hasil daripada pemulihan tanah dan bantuan KEDA itu, petani terbabit kini berjaya mengeluarkan hasil kira-kira tiga tan per hektar dengan jualan keseluruhan mencecah RM4.3 juta sejak 2014 hingga kini.

Sementara itu, seorang petani yang mendapat manfaat daripada projek itu Rotamizi Ahmad, 37, berkata dia bersyukur kerana dapat mengusahakan semula tanahnya yang menjadi sumber pendapatan kepada keluarganya.

"Dahulu tanah ini ditanam dengan kelapa, namun tidak diusahakan dan terbiar, kini dengan bantuan KEDA, tanah saya telah dipulihkan semula untuk diusahakan dengan tanaman padi," katanya yang mengusahakan sawah seluas kira-kira empat hektar.

BERNAMA





MOHAMAD NORALAM (dua dari kiri) menunjukkan kaedah penanaman menggunakan sistem fertigasi box.

## Kaedah fertigasi box bantu peneroka Felda

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** - Pengalaman sembilan tahun dalam bidang fertigasi menjadi pencetus idea bagi seorang pemuda untuk membantu warga peneroka dalam meningkatkan pendapatan melalui kaedah bertani secara moden.

Menurut Mohamad Noralam Sahroni, 40, yang juga generasi kedua Felda Semenchu, ideanya itu telah memberi manfaat kepada 50 peserta dari Program Pembangunan Peneroka (PPP) Felda yang berjaya menjadi perintis kaedah tanaman cili secara fertigasi atau *fertigation box*.

Noralam berkata, *fertigation box* ini adalah yang pertama di Malaysia dan golongan peneroka Felda adalah yang terawal menggunakan sistem tersebut.

Menurutnya, inovasi tersebut terhasil melalui perbincangan pihaknya bersama Felda melalui Jabatan Pertanian Perikanan

Ternakan (JPPT) untuk mewujudkan konsep tanaman selari dengan hasrat PPP yang berkehendak peneroka mengaplikasikan teknologi moden pertanian.

"*Fertigation box* merupakan satu inovasi baharu yang ditambah baik daripada sistem fertigasi sedia ada. Berbanding dengan sistem fertigasi biasa, *fertigation box* ini lebih mesra pengguna yang merangkumi sistem pengairan dan pembajaan yang lebih ringkas.

"Sistem ini juga mudah dipasang dan hanya memerlukan ruang minimum. Ia didatangi dengan spesifikasi saiz yang tertentu dan mampu menampung 100 polibag melalui sistem gantung.

"Ini secara tidak langsung membantu menyelesaikan masalah kekangan tapak," katanya.

Jelasnya lagi, beberapa prototaip telah dibuat sebelum kaedah *fertigation box* dapat dihasilkan yang mana dalam masa sama dapat membantu warga

peneroka meningkatkan pendapatan dari RM200 hingga RM300 sebulan.

Noralam berkata, pihaknya mensasarkan penggunaan *fertigation box* itu digunakan oleh semua golongan penduduk sama ada dikawasan bandar mahupun desa yang mempunyai kadar ruang halaman yang kecil.

"Alhamdulillah, 50 peserta PPP di Felda Semenchu telah mula menghantar hasil cili pada setiap Isnin dan Khamis di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP)," katanya lagi.

Beliau juga berhasrat untuk mendaftarkan *fertigation box* dengan Perbadanan Harta Intelektual Malaysia (MyIPO).

Menceritakan lanjut berkenaan latar belakangnya, Noralam berkata, dia mula berkecimpung dalam bidang pertanian fertigasi sejak tahun 2013 dengan 800 polibag cili ditanam di belakang rumah ibu bapanya di Felda Semenchu.



# Kamarul cekal jadi pengusaha ayam daging di Gua Musang

Oleh AJMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Empat kali hampir gulung tikar, ayam mati diserang penyakit dan persaingan dengan pengusaha ayam lain antara cabaran yang perlu dihadapi seorang penternak ayam di Kampung Lapan Jaya di sini.

Bagaimanapun, segala cabaran itu tidak mematahkan semangat penternak ayam daging, Kamarul Azli Mat Ali, 41.

Katanya, dia menceburi bidang ternakan ayam itu sejak berusia 20 tahun ketika bersama arwah bapanya, Mat Ali Ab. Rahman.

Kamarul Azli berkata, arwah bapanya banyak mengajar mengenai cabaran dan pengalaman dalam bidang penternakan ayam.

Katanya, pada peringkat permulaan, dia menternak sebanyak 240,000 ekor ayam sebulan membabitkan 25 reban.

“Bagaimanapun, kini bilangan meningkat kepada 350,000 ekor ayam yang ditenak dalam 40 reban yang dilengkapi penyaman udara.

“Penyaman udara digunakan di dalam reban ayam untuk mengelak daripada jangkitan wabak penyakit selain membantu proses pembesaran ayam dengan cepat,” katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Kamarul Azli berkata, meskipun syarikatnya, Lapan Jaya Farm Sdn. Bhd. sekarang menjadi pengeluar utama ayam di Pantai Timur khususnya di Kelantan, namun cabaran tetap ada.

Persaingan yang dimaksud-

kannya adalah persaingan daripada pengeluar ayam dari negeri Pantai Barat.

“Sebanyak 10,000 ayam dipasarkan setiap hari bukan sahaja jualan di daerah ini tetapi beberapa daerah lain di negeri ini.

“Setiap reban mampu memuatkan sebanyak 20,000 ekor ayam kerana ia memerlukan pusingan masa pembesaran mencukupi supaya permintaan terus bertambah,” katanya.

Tambahnya, dia mempunyai tenaga kerja seramai 60 orang bermula daripada menternak ayam di reban, menyembelih sehingga ke pemasaran.

Katanya, tempoh masa menternak ayam mengambil masa 40 hari sebelum menjual ayam di pasaran yang ditetapkan.



**KAMARUL AZLI** bersama ayam daging yang ditenaknya di Kampung Lapan Jaya, Gua Musang semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Kamarul Azli tidak patah semangat

Oleh AIMUNI TUAN LAH  
utusannews@meilamula.com.my

**GUA MUSANG:** Empat kali hampir gulung tikar, ayam mati di-serang penyakit dan persaingan dengan pengusaha ayam lain antara cabaran yang perlu dihadapi seorang penternak ayam di Kampung Lengan Jaya, di sini.

Namun, segala cabaran itu tidak mematahkan semangat penternak ayam daging, Kamarul Azli Mat Ali, 41.

Kamarul Azli berkata, dia menceburi bidang ternakan ayam itu di Kampung Lengan Jaya di sini sejak berusia 20 tahun lagi ketika bersama arwah bapanya, Mat Ali Ab. Rahman.

Kamarul Azli berkata, arwah bapanya banyak mengajarnya tentang cabaran dan pengalaman dalam bidang penternakan ayam.

Katanya, pada permulaannya, dia memelihara 240,000 ekor ayam sebulan membabitkan 25 reban.

"Bagaimanapun, kini, bilangan meningkat kepada 350,000 ekor ayam yang ditanam dalam 40 reban berhawa dingin.

"Langkah memelihara ayam dalam reban berhawa dingin itu untuk mengelak daripada

jangkitan wabak penyakit dan proses pembesaran ayam pula semakin cepat," katanya di sini semalam.

Kamarul Azli berkata, walaupun syarikatnya, Lengan Jaya Farm Sdn. Bhd, sekarang menjadi pengeluar utama pasaran di Pantai Timur khususnya di Kelantan, tetapi, cabaran tetap ada terutama persaingan daripada pengeluar ayam dari negeri Pantai Barat.

Katanya, permintaan ayam semakin meningkat dan dia bercadang untuk membina reban bertingkat lebih canggih.

"Setiap hari, ayam dapat dipasarkan sebanyak 10,000 ekor bukan sahaja di daerah ini tetapi beberapa daerah lain di negeri ini.

"Setiap reban yang memuatkan 20,000 ekor ayam memerlukan pusingan masa pembesaran mencukupi supaya permintaan terus bertambah," katanya.

Tambahnya, dia mempunyai tenaga kerja seramai 60 orang bermula dari memelihara ayam di reban, menyembelih sehinggalah ke pemasaran.

Katanya, tempoh masa memelihara ayam mengambil masa, 40 hari sebelum menjual ayam di pasaran yang ditetapkan.



KAMARUL Azli Mat Ali bersama ayam daging yang ditanamnya di Kampung Lengan Jaya, Gua Musang, Kelantan.

# Bantu rakyat miskin jadi usahawan

**PASIR PUTEH:** Kerajaan negeri akan memastikan kumpulan berpendapatan rendah yang berdaftar dalam data e-kasih dibantu bagi melepasi paras kemiskinan menerusi pelbagai projek keusahawanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Saripuddin Tuan Ismail berkata, untuk itu, peruntukan sebanyak RM4 juta disediakan di bawah skim bantuan usahawan.

Katanya, Majlis Himpunan Usahawan Kelantan (MHUK) juga bertindak membantu dan membimbing bagi meningkatkan produktiviti dengan strategi pemasaran berkesan sepanjang kekangan pandemik Covid-19.

"Malah, peranan yang digerakkan pelbagai agensi kerajaan negeri dan Persekutuan memberi manfaat kepada peserta e-kasih untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Kerajaan juga memberi fokus melahirkan usahawan tani dalam kalangan belia yang men-



NORIAN Che Lah (kiri) bersama suaminya menerima peralatan membuat kuih-muih daripada Tuan Saripuddin Tuan Ismail (dua kanan) di Pasir Puteh, Kelantan semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

ganggu dengan menyediakan bantuan peralatan dan kursus berkaitan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan

bantuan Skim Rezeki Tani kepada Noriah Che Lah di Kampung Sungai Kelong di sini semalam. Yang hadir sama Timbalan

Pengarah FAMA negeri, Muhammad Fadlee Hassan.

Tuan Saripuddin berkata, terbaru, kerajaan negeri menerima

bantuan one-off daripada kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.5 juta bagi membantu usahawan kecil dan pihak yang memerlukan sepanjang Covid-19.

"Setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) diagihkan RM50,000 untuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM500 kepada ketua keluarga yang dikenal pasti benar-benar memerlukan bantuan kewangan," katanya.

Mengenai Skim Rezeki Tani, katanya, lima skop projek dilaksanakan oleh peserta e-kasih iaitu dalam bidang bercucuk tanam, penternakan, perikanan, pemrosesan produk industri asas tani dan perniagaan tani.

Katanya, tahun ini 10 peserta e-kasih dipilih di daerah ini dan Machang dengan peruntukan bantuan peralatan yang diperlukan sebanyak RM100,000 dan agihan maksimum RM10,000 untuk setiap peserta.

"Peserta yang terpilih wajib menghadiri kursus berkaitan, mencatat kemajuan pelaksanaan projek dan dipantau selama tiga tahun oleh FAMA," katanya.